

IMPLIKASI TADABBUR AL-QURAN DALAM PEMBENTUKAN INSAN YANG BERKUALITI DI SUDUT AKHLAK

Rohana Binti Zakaria, Dr.Zikmal Fuad

Fakulti Akademi Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohd Nur Adzam Rasdi

Pensyarah Fakulti Al-Quran dan Al-Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Matlamat diturunkan al-Quran kepada seluruh umat Nabi Muhammad SAW kepada kita adalah untuk kita tadabbur ayat-ayat Allah yang terdapat dalam al-Quran. Kandungan al-Quran menjadi sumber asas kepada manusia untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan kita. Untuk mencapai hasrat tersebut seseorang Muslim perlu menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, memahami serta mengamalkannya. Daripada proses tadabbur ini akan melahirkan seorang muslim yang berjiwa hamba. Jiwanya sebagai hamba Allah SWT. Hatinya terasa hampir dengan Allah SWT dirinya menyedari bahawa setiap langkah dalam hidupnya dilihat oleh Allah SWT. Justeru , kertas kerja ini akan membincangkan implikasi tadabbur al-Quran khususnya dalam pembentukan insan yang berkualiti di sudut akhlak kehidupan seorang muslim.

1. Pendahuluan

Al-Quran adalah kalamullah yang diturunkan secara mutawatir kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantara Malaikat Jibril, sebagai mukjizat bagi nabi Muhammad SAW.Ia merupakan kalam milik Allah yang Maha Esa dan merupakan wahyu teragung pencipta langit dan bumi. Ia merupakan kitab unggul serta panduan lengkap bagi umat manusia sebagai petunjuk bagi orang yang dalam kesesatan, penyelamat bagi orang yang dalam kemusnahan dan pembimbing ke jalan yang lurus serta menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya al-Quran mampu membentuk jati diri yang teguh, menjadikan manusia terdidik dengan akhlak dan budi pekerti tinggi, rajin berusaha dan berilmu tinggi. Kefahaman terhadap al-Quran merupakan suatu anugerah daripada Allah SWT . Ia dianugerahkan kepada mereka yang sungguh-sungguh mempelajari isi kandungan al-Quran. Justeru, untuk mengekalkan al-Quran dalam kehidupan kita, ia perlu dijaga dengan sentiasa membaca dan tadabbur serta memahami isi kandungannya agar berada dalam jiwa dan hati setiap muslim. Dengan membaca dan tadabbur al-Quran, hati akan menjadi lebih tenang dan akan mendatangkan rasa rindu (*wujdan*) kepada keesaan dan kebesaran Tuhan.(Fazlina&Nurulazidah). Segala-gala ini dapat dicapai apabila mereka tadabbur memahami al-Quran dan beramal dengannya

Tadabbur Al-Quran Menurut Pendapat Ulama

Tadabbur adalah salah satu cara untuk memahami al-Quran. Tadabbur bererti merenungkan, menghayati dan memikirkan serta pencermatan ayat-ayat al-Quran untuk dapat memahami makna, hikmah, ataupun maksud. Sebab itu seindah apapun susunan ayat-ayat al-Quran seilmiah apapun kandungan Al-Quran dan sebesar apapun mukjizat al-Quran tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan kita (Mohd Soleh 136).

Imam Jalaluddin as-Sayuti (911H) menyebut, Sifat tadabbur itu adalah menyibukkan hatinya dengan memikirkan makna perkataan yang dilafazkannya, maka ia mengetahui makna setiap ayat, mengamati setiap suruhan dan larangan serta bersedia untuk menerima perkara tersebut. (As-Sayuti ‘ al-Itqan fi Ulum al-Quran’ Jil.1 hlm 230).

Menurut Imam Ibn Kathir (774H) tadabbur al-Quran bermaksud memahami makna lafaz-lafaz al-Quran, dan memikirkan apa yang ayat-ayat al-Quran tunjukkan taktala tersusun dan apa yang terkandung di dalamnya, serta apa yang menjadikan makna-makna al-Quran itu sempurna, dari segala isyarat dan peringatan yang tidak nampak dalam lafaz al-Quran, serta pengambilan manfaat oleh hati dengan mengikut segala suruhan dan meninggalkan larangan .patuh terhadap perintah-perintahnya, serta mengambil ibrah darinya.

Menurut pandangan Imam Ibn al-Qayyim pula, tadabbur bermakna memerhatikan makna-makna di dalam al-Quran dengan sepenuh hati dan menyatukannya di dalam akal fikiran serta berfikir tentangnya.

Menurut Syeikh Soleh Fauzan pula tadabbur adalah memikirkan makna ayat-ayat al-Quran, apa yang ditunjukkannya, rahsia serta berita yang terdapat dari ayat-ayat tersebut, sehingga kita dapat manfaat berupa hidayah, rasa takut kepada Allah dan beribadah kepadaNya dan kita tahu apa yang harus kita lakukan dan apa patut kita tinggalkan dari perbuatan, perkataan, interaksi sosial dan lain-lainnya.

Yusof al-Qardhawi berpendapat bahawa tadabbur adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala tadabbur menggerakkan fikiran tentang akibatnya.

Kesimpulannya tadabbur boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu setiap anggota badan seharusnya memainkan peranan dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara tadabbur.

Seruan Tadabbur

Matlamat diturunkan al-Quran kepada seluruh umat Nabi Muhammad SAW bukan sekadar untuk hafazan dan ingatan semata-mata, namun ia lebih besar dan lebih agung lagi matlamat dan tujuannya iaitu Allah SWT memerintahkan kita agar berusaha dan mengekalkan tadabbur terhadap al-Quran. Ini bertujuan untuk memahami al-Quran dengan pemahaman tepat dan sahih. Dalam Al-Quran banyak menyebut berkaitan tadabbur antaranya:

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak muh memikirkan isi al-Quran? Kalauolah al-Quran itu datangnya bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapat perselisihan yang banyak di dalamnya.

(Surah an-Nisa' 4:82)

(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu dan umatmu wahai Muhammad, Kitab yang banyak faedah dan manfaat untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar .

(Surah Shad 38:29)

(Setelah diterangkan yang demikian)maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?

(Surah Muhammad 47:24)

Jelas ayat-ayat ini menunjukkan al-Quran diturunkan untuk melakukan tadabbur dan Ini adalah dalil tentang kewajipan melakukan tadabbur terhadap al-Quran. Orang yang tidak melakukan tadabbur seakan-akan hati mereka telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajipan mereka.

Konsep Akhlak

Akhlaq menurut istilah Islam ialah sikap keperibadian yang melahirkan perbuatan dan tingkah laku manusia terhadap tuhan dan manusia, terhadap diri sendiri dan makhluk lain, sesuai dengan suruhan dan larangan serta petunjuk al-Quran dan hadis (Rohayati Derani 2004). Akhlak merupakan neraca kepada keimanan seseorang. Akhlak merupakan perlakuan zahir dan akidah merupakan perlakuan batin manusia. Perlakuan batin sukar untuk diukur. Walau bagaimanapun ia boleh diukur dengan melihat perlakuan zahir seseorang.

Akhlaq yang mulia menjadi sebab untuk mendapatkan kecintaan Allah dan Rasulnya kerana orang yang menghiasi dirinya dengan akhlak yang mulia adalah orang sempurna keimanannya. Akhlak adalah keadaan yang menetap dan bermula dalam jiwa individu. Menurut(Dr Danial Zainal Abidin :136) daripadanya lahirlah perbuatan-perbuatan dengan mudah dan senang. Apabila keadaan itu melahirkan perbuatan-perbuatan yang terpuji menurut akal dan agama maka ia dinamakan sebagai akhlak yang mulia. Sebaliknya jika keadaan itu melahirkan perbuatan yang buruk ia dinamakan akhlak yang keji.

Akidah atau iman merupakan asas dan teras dalam Islam. Hanya mereka yang berpegang kepada akidah Islam dan teguh imannya kepada Allah sahaja diterima amal perbuatannya dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. Justeru, pendekatan Islam dalam amalan dan pendidikan akhlak amat menekankan kepada penanaman akidah atau rohani yang mantap. Kesimpulannya, bahawa akhlak didefinisikan sebagai satu sifat bagi diri melalui jiwa yang melahirkan nilai baik atau jahat (Rohizan, Halim Tamuri,Mohd Musnizam&Khairul Najah)

Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad s.a.w. oleh Allah s.w.t kepada manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak atau moral dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Imam Malik, hal. 132). Perkara ini disebut dalam al-Quran ketika Allah SWT menjelaskan tentang akhlak Rasulullah saw menerusi firman Allah dalam surah al-Qalam ayat 4 bermaksud: *Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi*

pekerjaan (khuluq) yang agung. Dalam hal ini, Aisyah r.a sendiri memperakui bahawa akhlak baginda Rasulullah saw adalah al-Quran. Menurut (Aminudin&Jamsari 2012) Ini membuktikan bahawa akhlak dari perspektif Islam dasarnya adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, menurut kaca mata Islam nilai akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Justeru, dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya adalah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat taqwanya (Asmawati 2005). Malah, tidak sempurna iman seorang muslim itu sekiranya dia tidak memiliki nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia dan terpuji. Banyak hadis yang menunjukkan kaitan iman dengan akhlak. Misalnya, “Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri” (Fathul Bari Syarah Sohib Bukhari: Jilid 1).

Implikasi Tadabbur Al-Quran Dalam Pembentukan Insan Yang Berkualiti di Sudut Akhlak

Allah telah menyebutkan dalam al-Quran berkaitan dengan kesan-kesan tadabbur dalam diri apabila dia membaca al-Quran sambil tadabbur isi kandungannya .Allah SWT berfirman:
Dan apabila mereka mendengarkan apa yang diturunkan kepada rasul (Muhammad) kamu lihat mata mereka bercucuran air mata disebabkan kebenaran (al-Quran) yang telah mereka ketahui (dari kitab-kitab mereka sendiri) seraya berkata,: Ya Tuhan kami! Kami telah beriman, maka catatkanlah kami bersama orang yang menjadi saksi atas kebenaran al-Quran dan kenabian Muhammad.

(Surah Al-Maidah: 83)

Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah gementar hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.

(Surah Al-Anfal: 2)

Katakanlah Muhammad kepada orang yang ingkar itu: Kamu beriman kepada al-Quran atau kamu tiada beriman (sama saja bagi Allah) Sesungguhnya orang yang telah diberi pengetahuan sebelumnya apabila al-Quran dibacakan kepada mereka, mereka menyungkur atas muka mereka sambil bersujud. Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami Sesungguhnya janji Tuhan kami pasti dipenuhi. Dan mereka merendahkan diri mereka bersujud sambil menangis dan bertambah khusyuk.

(Surah Al-Isra': 107-109)

Mereka itu adalah orang yang telah diberi nikmat oleh Allah, iaitu daripada para nabi daripada keturunan adam dan daripada orang yang kami angkat bersama Nuh dan daripada keturunan Ibrahim dan Israel dan daripada orang yang telah kami pilih. Apabila dibacakan ayat-ayat Allah Yang Maha Pemurah kepada mereka , maka mereka tunduk dengan bersujud dan menangis.

(Surah Maryam:58)

Dan orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidak bersikap sebagai orang yang tuli dan buta.

(Surah.al-Furqan: 73)

Dan apabila (al-Quran) dibacakan kepada mereka, mereka berkata kami beriman kepadanya, sesungguhnya al-Quran itu adalah suatu kebenaran daripada Tuhan kami. Sungguh sebelumnya kami adalah orang muslim

(Surah al-Qashash: 53)

Matlamat al-Quran adalah untuk membentuk manusia. Oleh yang demikian tuntutan al-Quran ialah menyuruh manusia berfikir , memahami, membuat penelitian dan percubaan serta mengetahui motif-motif dan sebab musabab sesuatu (Mohd Rumaizuddin Ghazali 84). Al-Qardhawi juga menyebut bahawa al-Quran merupakan sebab kejayaan dan keberkatan orang-orang Islam awal pada zaman Rasulullah SAW. Kehadiran al-Quran telah merubah jiwa, akhlak dan perwatakan serta diri bangsa Arab sehingga mereka dapat membina tamadun ilmu dan iman.

Akhlik menurut Islam terbahagi kepada dua iaitu akhlak mahmudah (akhlik terpuji) dan akhlak mazmumah (akhlik yang keji). Melalui tadabbur al-Quran , seseorang dapat memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran yang dibacanya sehingga timbullah hubungan dan persentuhan di antara hatinya dengan kalamullah yang dibaca. Maka akan terhasil perubahan di dalam dirinya iaitu akan melahirkan sifat-sifat mahmudah . Sifat-sifat ini akan memberi cahaya kepada kehidupan dan keperibadian seseorang. Ini sesuai dengan sebuah hadis Rasulullah yang bermaksud: *Di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota lahir manusia itu. Jika daging itu rosak maka seluruh anggota lahir manusia itu akan rosak. Itulah dia hati.*

Daripada hati itulah implikasi tadabbur al-Quran akan membentuk akhlak seorang insan yang berkualiti melalui sifat-sifat mahmudah tersebut. Sebagaimana Imam al-Ghazali (Arbain Fi Usuluddin) telah menggariskan sepuluh sifat mahmudah terpuji iaitu taubat, khauf (khauf) , zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakkal, mahabbah (kasih sayang) , redha dan zikrul maut (mengingati mati). Seterusnya sifat-sifat mahmudah ini lah yang akan mendorong seseorang insan melaksanakan amalan-amalan soleh sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan segala laranganNya.

Al-Quran telah dan akan terus membimbing manusia untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan. Al-Quranlah yang telah mencorakkan hidup dan akhlak orang Islam. Tidak ada kitab yang setanding dengannya kerana kandungannya yang menyeluruh. Di dalamnya terdapat panduan hidup yang sempurna. Bagi orang Islam yang mempercayai Al-Quran dengan penuh keyakinan akan mendapatinya sebagai sumber ilham yang tidak ada habisnya. Al-Quran mengajar manusia menjadi yang sepatutnya dikehendaki oleh Allah SWT serta berakhlik mulia . Melalui metod tadabbur al-Quran dapat membangun dan melahirkan insan secara bersepdua dan seimbang demi merealisasikan fungsi manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

2. Kesimpulan

Kepentingan akhlak dalam kehidupan dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran menerusi berbagai-bagai pendekatan yang meletakkan al-quran sebagai sumber pengetahuan mengenai nilai dan akhlak yang paling terang dan jelas. Pendekatan al-Quran dalam menerangkan akhlak yang mulia, bukan pendekatan teoritikal tetapi dalam bentuk konseptual dan penghayatan. Akhlak yang baik dan akhlak yang buruk digambarkan dalam perwatakan manusia , dalam sejarah dan dalam realiti kehidupan manusia semasa al-quran diturunkan.

Peranan akhlak dalam menentukan sahsiah seseorang tidak boleh dinafikan lagi kepentingannya. Proses pembentukannya adalah selaras dengan perkembangan jiwa seseorang itu. Untuk membentuk akhlak yang baik perlu kepada tadabbur al-Quran. Setiap Muslim itu mestilah berusaha ke arah membentuk kesempurnaan akhlak seperti yang dituntut oleh agama Islam. Akhlak yang elok adalah pintu yang terbuka daripada hati yang akan menghasilkan nikmat syurga di sisi Tuhan. Budi pekerti yang keji adalah hasil daripada penyakit hati dan jiwa , dan ia adalah penyakit yang menghilangkan kebahagiaan hidup yang abadi. Kebahagiaan hidup mengiringi individu yang mempunyai akhlak yang mulia

Al-Quran diturunkan untuk dibaca oleh setiap orang Muslim, direnungkan dan difahami makna, perintah dan larangannya, kemudian diamalkan. Sehingga ia akan menjadi hujjah baginya di hadapan Tuhan dan pemberi syafaat baginya pada hari kiamat. Allah telah menjamin bagi siapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya tidak akan tersesat di dunia dan tidak celaka di akhirat, dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Maka barangsiapa yang mengikuti petunjuk-Ku, ia tidak akan sesat dan tidak akan celaka.” (Taha: 123)

Setiap Muslim seharusnya bermuhasabah dan menilai diri, apakah keimanan kita kepada al-Quran sudah pun menepati ciri-ciri yang disebutkan, iaitu bermula dengan keimanan yang tulus terhadap kebenaran al-Quran, kemudian membaca dan tadabbur al-Quran dengan elok beserta adab-adabnya, memahami dan menghayati isi kandungannya dengan kefahaman yang syumul dan seterusnya menterjemahkan isi kandungan al-Quran tersebut dalam ruang lingkup akhlak dan kehidupan yang serba mencabar, dan akhirnya mengajar serta menyampaikan ajaran al-Quran kepada manusia lain.

Rujukan

Al-Quranul Karim

Aminudin Basir@ Ahmad Jamsari Alias Etika Kesarjanaan Muslim Menurut Akhlak Islam
(The Ethics of Muslim Scholars From Islamic Character Perspective) Jurnal Hadhari
4 (2) (2012) 45 – 64

Asmawati Bte Suhid (2005).Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam
Bagi Menangani Era Globalisasi .Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

As-Sayuti al-Itqan fi Ulum al-Quran

Dr Danial Zainal Abidin (2010) Tip-Tip Cemerlang Daripada Al-Quran. PTS publication &Distributor Sdn.Bhd.

Dr Yusuf Al-Qardhawi (1998) *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*.Dar al-Syuruq

Fazlina Fadzil & Nurulazidah Jaafar. Kajian Pengamalan Dan Kesedaran Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan.

Haji Muhamad Rivai Batubara& Haji AhmadAkhyar (2012) Mendekati Al-Quran. Alam Raya Enterprise Sdn Bhd

Mohd Solleh Ab.Razak (2011) Sehingga Al-Quran Terpahat Di Hati. Telaga Biru Sdn Bhd.

Rohayati Derani (2004) Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah.

Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, Mohd Hishamuddin Abd Hamid Peranan Guru Pendidikan Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Membentuk Kemenjadian Individu Murid Yang Berakhhlak.
Fakulti Pendidikan, UKM Bangi

Sahih al-Bukhari